

ENGGANG GUNUNG
Whreathed Hornbill

FAMILI: Bucerotidae
NAMA SAINTIFIK: *Aceros undulatus*

CIRI-CIRI

Mempunyai bulu yang berwarna hitam pada bahagian badan, coklat keputihan pada bahagian leher, kepala dan dada. Bahagian ekornya pula berwarna putih. Enggang Gunung mempunyai mahkota di mana pada bahagian tengahnya berwarna coklat kehitaman sehingga ke bahagian tengkuk. Paruhnya berwarna kuning pucat, berlekuk pada bahagian sisi dan pada bahagian bawah paruh ini terdapat satu benjolan kekuningan dan mempunyai jalur hitam pada bahagian sisinya manakala disekeliling matanya terdapat selaput menyerupai lapisan kulit yang bewarna merah dan berkedut.

SAIZ

Burung ini mempunyai saiz yang besar di mana ukurannya adalah di antara 0.15 m-0.2 m.

MAKANAN

Ia memakan buah-buahan seperti buah ara, haiwan kecil termasuklah ular, reptilia, siput, serangga, telur dan anak burung lain.

HABITAT

Di kawasan hutan tebal, hutan-hutan dipterokap dan juga hutan di kawasan pulau pada ketinggian lebih kurang 1,830 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang kuat dengan nada yang tinggi *kuk- kwehk* dimana nota yang kedua adalah lebih tinggi.

Tabiat

Haiwan ini hidup secara berpasangan dan juga dalam kumpulan yang kecil. Kadangkala ianya dijumpai terbang dalam kumpulan yang besar dari kawasan hutan yang telah diluaskan dan kawasan ianya bersarang, biasanya pada ketinggian 5-30 m dari paras tanah.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah antara bulan Februari-Ogos dengan menghasilkan 1-3 biji telur.

STATUS

Akta 76/72, Diperlindungi sepenuhnya.